



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	5/4/2021	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	TNB		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

TNB bantu pelajar B40

SHAH ALAM – Seramai 3,000 pelajar daripada keluarga B40 di seluruh Selangor disantuni dengan pemberian kelengkapan pakaian persekolahan daripada Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

Pengurus Besar Hal Ehwal Pemegang Taruh Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya, Ahmad Reza-han Mohammad berkata, ia merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat buat golongan B40 yang amat terkesan akibat pandemik.

“CSR ini dilaksanakan melibatkan 3,000 pelajar dari 22 kawasan di negeri Selangor, selaras dengan pembukaan semula sekolah menengah.

“Kami bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan seperti Bantu Generasi Kita (Bangkit) di Shah Alam untuk menyumbang pakaian sekolah

jenama Canggih kepada penerima,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Ceria Ke Sekolah TNB bersama Bangkit di Gudang Canggih Seksyen 16, di sini semalam.

Turut hadir Penaung Bangkit, Datuk Azhari Shaari dan Ketua Pegawai Eksekutif My Sutera Sdn. Bhd. (Canggih), Masnizam Hisham.

Sementara itu Pengerusi Bangkit, Datuk Azhari Ahmad Safri Hanifullah memberitahu, pihaknya telah mengenal pasti seramai 400 pelajar daripada keluarga B40 di sekitar Shah Alam.

“Ada sebahagian daripada ibu bapa mereka tidak mampu membeli baju sekolah baharu akibat kesempitan hidup, justeru pemberian kelengkapan ini secara langsung akan meningkatkan motivasi penerima dalam menjalani sesi persekolahan semula,” katanya.



AHMAD REZAHAN menyampaikan kelengkapan persekolahan dalam Program Ceria Ke Sekolah TNB bersama Bangkit di Shah Alam semalam.